

21/12/2000

Sayembara Penulisan YPEIM

YAYASAN Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) akan menganjurkan Sayembara Penulisan terbuka kepada semua pihak termasuk wartawan, sebagai usaha mengembangkan pengetahuan mengenai amal jariah.

Ketua Pengarahnya, Abdul Malek Awang Kechil, berkata sayembara itu diadakan antara lain bertujuan menyemarakkan proses pembudayaan amal jariah di kalangan umat Islam sempena Kempen Sebulan Beramal Jariah peringkat kebangsaan yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, awal bulan ini.

Menurut beliau, YPEIM akan meminta kerjasama agensi swasta, khususnya mereka yang terbabit dengan penerbitan untuk merangka pendekatan pelaksanaan sayembara berkenaan termasuk tawaran hadiah.

Selain itu, katanya, YPEIM juga akan menawarkan hadiah kepada penulis dan wartawan yang banyak menghasilkan penulisan mereka mengenai amal jariah.

"Ini adalah usaha YPEIM sebagai tanda terima kasih kepada mereka yang banyak membantu yayasan khususnya berhubung sadaqatul jariah," katanya kepada Berita Harian di pejabatnya di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Abdul Malek berkata, Lembaga Pengarah YPEIM dalam mesyuaratnya baru-baru ini mengambil keputusan meneruskan kempen sebulan itu bagi tempoh yang akan ditentukan kemudian berikutan sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

Beliau berkata, pihaknya mendapati masyarakat begitu prihatin terhadap amalan sadaqatul jariah yang diperkenalkan YPEIM melalui skim E-jariah, Tele-jariah dan Auto-jariah.

"Sebagai sebuah institusi pembangunan sosio-ekonomi umat di negara ini, YPEIM berusaha mempermudah amalan ini melalui penyediaan saluran yang mudah, pantas dan efisien dengan menggunakan kemudahan serta teknologi terkini berbanding terpaksa beratur membeli wang pos sebelum ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata skim yang diperkenalkan adalah pelengkap kepada yang sedia ada iaitu Skim Potongan Gaji dan Skim Korporat Penyayang.

Selain itu, katanya YPEIM juga akan meneruskan penerbitan buku-buku ilmiah dan spara ilmiah, pelaksanaan Program Kecemerlangan Komuniti (Program Pembangunan Minda) dan Skim Kecemerlangan Pendidikan Anak-Anak Yatim Cemerlang.

Katanya, melalui Program Kecemerlangan Pendidikan, YPEIM akan menyediakan pusat kecemerlangan akademik kepada pelajar termasuk ibu bapa, di samping kemudahan peralatan dan kelengkapan persekolahan serta latihan kepada guru.

Menurutnya, khidmat yang disediakan ialah sumber ilmu dan maklumat, latihan dan tuisyen, bimbingan kaunseling dan belia masjid.

(END)